



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

### **PROGRAM JELAJAH TN50 ASPIRASI MASA DEPAN**

Kemaman, 12 Ogos –YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah mengadakan sesi Dialog Bagi Program Jelajah TN50 Aspirasi Masa Depan bertempat di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kemaman, Terengganu.

TN50 telah dimulakan secara rasmi di peringkat nasional melalui pelaksanaan Dialog Perdana oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Januari 2017 bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. TN50 adalah inisiatif Kerajaan menyediakan hala tuju negara bagi tempoh 30 tahun akan datang berdasarkan aspirasi daripada rakyat berlandaskan pendekatan secara 'bottom-up'. Ini merupakan langkah proaktif Malaysia selaras dengan perubahan trend mega dunia sebagai menghadapi cabaran pada tahun 2050 kelak. Inisiatif ini juga merupakan usaha menyambung landasan pembangunan negara selepas fasa Wawasan 2020 yang akan berakhir dalam tiga tahun lagi.

Pada sesi dialog TN50 Kementerian Sumber Manusia memberikan penumpuan kepada bidang pembelajaran dan pekerjaan. Ini adalah selari dengan peranan Kementerian Sumber Manusia sebagai peneraju dalam bidang pembangunan dan pengurusan sumber manusia bertaraf dunia. Bagi bidang pembelajaran, tumpuan diberikan kepada latihan kemahiran; di mana aspirasi yang dikongsi dalam konteks keperluan kemahiran yang bersesuaian, peluang pekerjaan bagi kemahiran yang diperlukan masa hadapan, pembabitan industri di dalam memperkasakan pendidikan berteraskan kemahiran serta lain-lain perkara yang dirasakan relevan bagi aspek pembelajaran terutamanya bagi pendidikan berteraskan kemahiran.

Manakala bagi bidang pekerjaan, aspek seperti keselamatan sosial, hak pekerja, keselamatan dan keselesaan di tempat kerja, keseimbangan di antara pekerjaan dan kehidupan sosial, faedah asas di tempat kerja dan banyak lagi aspek yang dirasakan penting dan boleh dijadikan agenda utama negara. Perkara-perkara yang dikongsi ini boleh dijadikan asas kepada penggubalan dasar berkaitan pekerjaan oleh Kerajaan.

Program siri jelajah TN50 oleh Kementerian Sumber Manusia menyasarkan objektif seperti berikut:

- (i) merangsang pemikiran, ekspresi dan keterlibatan khususnya pelajar Institut Latihan Kemahiran Awam/Swasta dan golongan pekerja di bawah usia 35

tahun terhadap hala tuju jangka panjang Malaysia melalui pelbagai pendekatan seperti pengumpulan aspirasi TN50 dan sesi dialog; dan

- (ii) mewujudkan semangat positif atau Feel Good Factor dan optimis di kalangan belia melalui keterlibatan, promosi kreatif dan penjenamaan TN50.

Program jelajah TN50 ini juga adalah merupakan salah satu platform untuk Kementerian Sumber Manusia bagi menjelaskan berkenaan hasrat Kerajaan dalam mengumpulkan idea dan aspirasi rakyat dalam menentukan hala tuju negara ke arah tahun 2050 daripada semua warga Bahagian/Jabatan/Agensi, para pekerja muda dan para pelajar Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di bawah seliaan Jabatan/Agensi kementerian.

Konsep jelajah ini akan melibatkan pendekatan dan aktiviti seperti berikut:

- (i) Aspiration model canvas;
- (ii) Sesi bual bicara bersama ikon kemahiran.
- (iii) Sesi dialog bersama panel yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi KSM. Sesi dialog akan dimulakan dengan opening remarks daripada panel berkenaan senario semasa mengenai bidang pekerjaan dan keperluan kemahiran, cabaran semasa dan masa akan datang serta kepentingan mendapatkan aspirasi daripada peserta;
- (iv) Sesi lontaran aspirasi, idea, komen dan pandangan oleh peserta;
- (v) sesi rumusan oleh moderator sebagai penutup majlis; dan
- (vi) pelaporan akan dilaksanakan oleh fasilitator.

\*Perkongsian juga boleh diberikan melalui media sosial KSM iaitu Facebook dan Twitter dengan menggunakan #tn50ksm

Koordinasi aktiviti bersama pelbagai pihak adalah amat perlu dalam memastikan penggunaan sumber sedia ada serta memastikan perbelanjaan yang efektif dan efisien dalam mencapai objektif. Dalam hubungan ini, program akan dijalankan dengan kerjasama strategik daripada bahagian/jabatan/agensi di bawah kementerian dalam berkongsi sumber fasiliti dan guna tenaga sedia ada.

Kumpulan sasar bagi sesi dialog TN50 Kementerian Sumber Manusia adalah kumpulan pelatih bidang kemahiran dan golongan pekerja muda berumur di bawah 35 tahun di sekitar Kemaman.

###

**Dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Manusia  
12 Ogos 2017**